

Terma dan syarat

Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan terma dan syarat terkini di mana yang akan tersedia di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Jika Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat dan terma dan syarat terkini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan wakil yang sah.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Bank**” adalah merujuk kepada AmBank (M) Berhad (“**AmBank**”) [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad (“**AmBank Islamic**”) [Registration Company No.: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari Bekerja**” bermaksud hari apabila Bank dibuka untuk perniagaan kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Kempen**” adalah merujuk kepada “**Kempen Perolehan Ahli Bank Baru Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank (AmSPB)**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**ABP**” adalah merujuk individu prinsipal Aset Di Bawah Pengurusan dalam mana-mana Konvensional dan/atau Islamic deposit dan/atau pelaburan termasuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i + Akaun Semasa/Akaun Semasa-i + Deposit Tetap (DT)/Akaun Deposit Bertempoh-i (DB-i) + pelaburan termasuk Bancassurance/Bancatakaful yang dipegang dengan Bank.

“**AmSPB**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

“**AmSPP**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Private.

“**Pelanggan Baru Bank**” merujuk kepada pelanggan yang bukan ahli sedia ada Bank sebelum bermulanya Tempoh Kempen (ditakrifkan selepas ini).

“**Deposit Tetap Konvensional**” atau “**DT**” bermaksud deposit tetap yang ditawarkan oleh AmBank kepada Pelanggan yang Layak.

“**Deposit Bertempoh-i**” atau “**DB-i**” bermaksud deposit bertempoh-i yang ditawarkan oleh AmBank Islamic.

“**Dana Unit Amanah Konvensional**” atau “**UA**” bermaksud unit amanah yang diagihkan oleh AmBank dalam Kempen ini.

“**Dana Unit Amanah Patuh Syariah**” atau “**UA Patuh Syariah**” bermaksud unit amanah Patuh Syariah yang diedarkan oleh AmBank Islamic.

“**Akaun Semasa/Akaun Simpanan (ASAS)**” atau **Akaun Semasa/Akaun Simpanan-i (ASAS-i)** bermaksud akaun deposit yang dikenakan oleh Pelanggan yang Layak dengan Bank.

Terma dan syarat

Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

“Faedah Keutamaan/Kadar Keuntungan” bermaksud kadar Deposit Tetap Konvensional (DT) atau Deposit Bertempoh-i (DB-i) yang ditetapkan untuk peletakan DT/DB-i bagi tujuan Kempen ini seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 1 di sini.

“Tempoh Bertenang” bermaksud enam (6) hari perniagaan yang diberikan kepada pelabur untuk mempertimbangkan semula sama ada mereka ingin terus melabur dalam dana Unit Amanah terpilih / dana Unit Amanah Patuh Syariah. Pelanggan yang Layak yang melabur dalam Dana tertentu buat kali pertama, mempunyai hak untuk meminta bayaran balik pelaburannya dalam Dana tersebut semasa tempoh bertenang yang ditetapkan dalam setiap surat ikatan atau prospektus Dana yang berkaitan yang dalam apa jua keadaan tidak boleh kurang daripada enam (6) hari perniagaan (dengan “hari perniagaan” mengikut takrifan yang sama dalam surat ikatan atau tarikh pelaburan yang diterima oleh syarikat) (“Tempoh Bertenang”) sentiasa dengan syarat bahawa notis pengeluaran sedemikian diterima oleh Bank selewat-lewatnya daripada masa pemotongan yang berkaitan (seperti yang ditentukan oleh Bank) pada Hari Urus Niaga dalam Tempoh Bertenang yang dinyatakan dalam surat ikatan atau prospektus yang berkaitan. Semua permintaan bayaran balik sedemikian hendaklah tertakluk kepada Undang-undang Terpakai dan terma dan syarat Pengurus atau Dana yang berkaitan.

“Hak Bertenang” bermaksud hak yang diberikan kepada pelabur/Pelanggan yang Layak untuk mendapatkan bayaran balik pelaburan awal mereka dalam Tempoh Bertenang mengikut harga belian asal atau harga pasaran pada masa pelaksanaan Hak Bertenang serta pengembalian Caj Jualan awal yang dikenakan. Sila rujuk kepada Prospektus/Memorandum Maklumat untuk kelayakan dan bayaran balik Hak Bertenang.

“Prospektus/Memorandum Maklumat” bermaksud dokumen tawaran Unit Amanah Konvensional yang berkaitan atau Amanah Saham Patuh Syariah yang dilaburkan oleh Pelanggan yang Layak.

“Syarikat Pengurusan Unit Amanah” bermaksud pengurus unit amanah yang diedarkan oleh Bank.

“Kempen Ikatan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i” bermaksud “Ikatan Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah dan Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i (Ikatan UA/ UA Patuh Syariah dan DT/DB-i)” bermaksud Pelanggan yang Layak yang melabur dalam Unit Amanah atau Unit Amanah Patuh Syariah adalah tertakhluk kepada Terma dan Syarat bagi layak untuk peletakan Deposit Tetap atau Deposit Bertempoh-i dengan kadar keutamaan yang ditawarkan dalam kempen ini dengan pematuhan kepada Terma dan Syarat.

“Dana Baharu” bermaksud wang atau dana yang:

- Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit dan/atau pelaburan Bank sedia ada;
- dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i Orang yang Dirujuk;
- Deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i Orang yang Dirujuk.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

Terminologi konvensional boleh digunakan untuk produk AmBank, manakala istilah Islam terpakai untuk produk AmBank Islamic.

Terma dan syarat

**Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)**

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

Istilah "**Syarikat Bersekutu**" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus (20%) tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus (50%) daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah "**Syarikat Berkaitan**" hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegangan atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegangan kepada syarikat pertama.

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen akan bermula pada 1 September 2025 – 28 Februari 2026, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"). Bank berhak untuk mengubah atau memindah tempoh Tempoh Kempen dan Mekanik Kempen (diilustrasikan di bawah) dengan notis awal. Perubahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan kepada pelanggan. Sebarang perubahan sedemikian yang dibuat tidak boleh digunakan untuk peletakan sedia ada yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa baru perubahan tersebut. Tawaran Kempen akan tertakluk kepada semakan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Kadar Dasar Semalam (KDS).

3 Pelanggan yang Layak

- 3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan Bank yang memenuhi kriteria seperti di bawah:
- Pelanggan Baru Bank yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
 - Mendaftar keahlian AmSPB atau AmSPP semasa Tempoh Kempen;
 - Mengekalkan prinsipal individu ABP minima sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) pada akhir Tempoh Kempen.
- 3.2 Walau apa pun di atas, yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
- Pelanggan bukan individu (contohnya: syarikat, badan korporat, persatuan, kelab, sekolah, kemasyarakatan, organisasi bukan untung, pemilik tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang didaftarkan atau diperbadankan dengan sewajarnya di dalam atau di luar Malaysia);
 - Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau telah diputuskan sebagai bankrap; dan/atau
 - Mana-mana orang lain yang mungkin diputuskan oleh Bank untuk mengecualikan, mengikut budi bicaranya.

4 Tawaran Kempen

4.1 Tawaran Deposit Tulen

- 4.1.1 Pelanggan yang Layak yang mendaftar keahlian AmSPB/AmSPP semasa Tempoh Kempen layak menikmati kadar Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Pelanggan yang Layak dikehendaki membuat minima peletakan DT/DB-i sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dan mengekalkan minima ASAS/ASAS-i sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk tempoh tiga (3) bulan.

Terma dan syarat
Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)
Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

Jadual 1: Tawaran Deposit Tulen

Minima peletakan DT/DB-i	Maksima peletakan DT/DB-i	Minima Bakit ASAS/ASAS-i	Tempoh DT/DB-i	Kadar Promosi DT/DB-i (setahun)	Saluran
RM50,000	RM300,000	RM50,000	3 bulan	3.80%	Melalui kaunter

- 4.1.2 Pelanggan yang Layak mesti meletakkan DT/DB-i dalam masa tiga puluh (30) hari kalender dari tarikh penandaan sebagai AmSPB/AmSPP. Pelanggan yang Layak yang gagal berbuat demikian akan mengakibatkan ketidak layakan untuk mendapat kadar Promosi. Pelanggan yang Layak dibenarkan membuat berbilang peletakan DT/DB-i tertakluk kepada jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) bagi setiap peletakan dan sehingga maksimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000).
- 4.1.3 Pengesahan peletakan DT/DB-i akan dikeluarkan di atas resit dan penerimaan oleh Bank bagi peletakan DT/DB-i di bawah Kempen ini.
- 4.1.4 Pemegang akaun untuk DT/DB-i dan ASAS/ASAS-i mestilah atas nama Pelanggan yang Layak yang sama. Sekiranya ia adalah akaun ASAS/ASAS-i bersama, Pelanggan yang Layak mestilah pemegang akaun utama.
- 4.1.5 Faedah/keuntungan* yang diperoleh akan dikreditkan kepada ASAS/ASAS-i seperti yang dipilih oleh Pelanggan yang Layak apabila DT/DB-i telah matang.
- 4.1.6 Deposit yang dibuat di bawah tawaran ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.
- 4.1.7 Kadar Promosi seperti yang dinyatakan di atas adalah terpakai untuk satu (1) kitaran sahaja iaitu tiga (3) bulan dari tarikh peletakan. Apabila matang, amaun prinsipal akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa yang terpakai pada masa pembaharuan untuk tempoh yang sama.
- 4.1.8 Promosi ini terpakai untuk peletakan yang dibuat Melalui Kaunter sahaja.
- 4.1.9 Pelanggan yang Layak dikehendaki mengekalkan minima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dalam ASAS/ASAS-i untuk tempoh tiga (3) bulan bermula dari tarikh peletakan DT/DB-i. Sekiranya Pelanggan yang Layak gagal mengekalkan baki dalam ASAS/ASAS-i, kadar Promosi tidak akan digunakan lagi dan kadar lazim lembaga DT/DB-i Bank akan digunakan dengan tempoh yang sama dan jumlah peletakan DT/DB-i.
- 4.1.10 Semua peletakan DT/DB-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang TIADA faedah/keuntungan perlu dibayar.

* Terminologi konvensional terpakai untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai untuk produk AmBank Islamic.

Terma dan syarat
Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)
Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

4.2 Kempen Ikatan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i

4.2.1 Kempen ini terdiri daripada tawaran berikut:

- (a) Deposit Tetap (“DT”) dan Dana Unit Amanah terpilih (“UA”) [DT dan UA];
- (b) Deposit Bertempoh-i (“DB-i”) dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah terpilih [DB -i dan UA Patuh Syariah];
- (c) DB-i hanya dibenarkan dijual dengan Dana UA Patuh Syariah dan penjualan silang dengan Dana UA Konvensional adalah tidak dibenarkan sama sekali. DT hanya dibenarkan dijual silang dengan Dana UA konvensional dan penjualan silang dengan Dana UA Patuh Syariah adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika peristiwa seperti itu berlaku, Bank berhak untuk melaraskan kadar keutamaan DT/DB-i kepada kadar lembaga semasa tanpa pemberitahuan kepada pelanggan.
- (d) Hanya terpakai untuk Dana UA Terpilih dan Dana UA Patuh Syariah (tidak termasuk dana tertutup) dengan caj jualan asal sebanyak 3% dan ke atas (termasuk dana baharu yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen).

4.2.2 Tertakluk kepada terma dan syarat di sini, Pelanggan yang Layak akan layak untuk memperoleh Kadar Keutamaan Faedah/Keuntungan DT/DB-i seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 dan Pelanggan yang Layak mesti meletakkan DT/DB-i dalam masa tiga puluh (30) hari kalender dari tarikh penandaan sebagai AmSPB/AmSPP, sekiranya Pelanggan yang Layak mendeposit/melabur dalam Ikatan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i berikut semasa Tempoh Kempen.

4.2.3 Pelanggan Yang Layak hendaklah mendepositkan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) sahaja dalam DT/DB-i untuk tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan DAN melaburkan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dalam mana-mana UA/UA Patuh Syariah yang dipilih oleh Pengurusan Unit Amanah Syariah. Nisbah pelaburan minima untuk Ikatan DT/DB-i dan UA/UA Patuh Syariah mestilah 1:1.

Jadual 2 : Kempen Ikatan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i

Jumlah Minima Pelaburan di dalam UA/UA Patuh Syariah Terpilih (x)	Caj Jualan bagi UA/UA Patuh Syariah Terpilih	Minima Peletakan Amaun DT/DB-i (y)	Jumlah Amaun (x) + (y)	Tempoh DT/DB-i	Faedah Keutamaan / Kadar Keuntungan Tahunan DT/DB-i	Kadar Efektif Faedah / Keuntungan Tahunan DT/DB-i
RM50,000	3%	RM50,000	RM100,000	3 bulan	7.68%	1.92%
				6 bulan	5.00%	2.50%

*Kadar efektif tahunan untuk kadar DT/DB-i tiga (3) bulan sebanyak 7.68% setahun adalah 1.92% setahun dengan kadar lembaga semasa tiga (3) bulan sebanyak 2.05% setahun.

*Kadar efektif tahunan untuk kadar DT/DB-i enam (6) bulan sebanyak 5.00% setahun adalah 2.50% setahun dengan kadar lembaga semasa enam (6) bulan sebanyak 2.20% setahun.

Terma dan syarat

Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

5 Kriteria Kempen

5.1 Kriteria Kempen Umum

- (a) Kempen ini tidak sah dan tidak boleh digabungkan dengan mana-mana tawaran, promosi dan kempen lain yang ditawarkan oleh Bank. Oleh itu, tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen.
- (b) Semua penempatan DT/DB-i dan UA/UA Patuh Syariah mestilah dalam bentuk Dana Baru sahaja. Sekiranya Bank menentukan bahawa dana telah dipindahkan daripada akaun pihak ketiga, Bank mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini.
- (c) Kadar Keutamaan Faedah/Keuntungan DT/DB-i adalah terpakai untuk peletakan awal (1-kitaran) sahaja. Selepas tempoh matang tiga (3) bulan atau enam (6) bulan DT/DB-i (mengikut mana-mana yang berkenaan), Kadar Keutamaan DT/DB-i akan berhenti digunakan dan kadar lembaga semasa Bank untuk DT/DB-i akan digunakan untuk sebarang pusing ganti dan/atau pembaharuan.
- (d) DT/DB-i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan cagaran.
- (e) Berkuat kuasa 1 Januari 2019, semua peletakan DT/DB-i yang ditarik balik sebelum tarikh matang TIDAK akan mempunyai faedah/keuntungan yang perlu dibayar:
 - (i) Untuk Akaun DB-i, Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan ibra' (rebate) kepada Bank sekiranya pengeluaran awal atau sebahagian mengikut Terma dan Syarat Khusus untuk Deposit Bertempoh-i berasaskan Komoditi Murabahah seperti yang diterbitkan di laman web kami di https://www.ambank.com.my/docs/ambankretaillibraries/terms-and-conditions/cmtdspecifictnc.pdf?sfvrsn=276c55ee_1
 - (ii) Untuk Akaun DT, Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Am Akaun dan Perkhidmatan yang tersedia di <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-andconditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>

5.2

Kempen Ikatan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i

- 5.2.1 Jumlah minima pelaburan UA Patuh Syariah dan peletakan DT/DB-i ialah Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) masing-masing. Amaun pelaburan UA/UA Patuh Syariah yang sepadan mestilah lebih daripada atau sama dengan amaun peletakan DT/DB-i. Untuk ilustrasi, sila rujuk Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Amaun Ikatan UA/UA Patuh Syariah dan DT/DB-i

Amaun Pelabutan UA/UA Patuh Syariah (RM)	Amaun Peletakan DT/DB-i (RM)	Kelayakkan
50,000	10,000	Tidak
50,000	40,000	Tidak
50,000	50,000	Ya
60,000	60,000	Ya
70,000	50,000	Ya

Terma dan syarat

Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

5.2.2 Deposit/pelaburan dalam Ikatan DT/DB-i dan UA/UA Patuh Syariah mesti dilakukan serentak pada hari yang sama. Masa pemotongan transaksi UA/UA Patuh Syariah adalah pada pukul 3 petang pada setiap hari perniagaan. Masa pemotongan mungkin berubah dari semasa ke semasa disebabkan oleh dana atau cuti umum atau pengumuman bukan hari perniagaan, sila rujuk cawangan AmBank/AmBank Islamic apabila perlu.

5.2.3 Pemegang akaun DT/DB-i dan pemegang akaun pelaburan UA/UA Patuh Syariah mestilah daripada pihak yang sama dan dalam kes akaun bersama, pemegang akaun utama pelaburan DT/DB-i dan UA/UA Patuh Syariah mestilah daripada pihak yang sama juga. Sila rujuk ilustrasi dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Kriteria Pemegang Akaun

Pemegang Akaun Pelaburan (UA/UA Patuh Syariah)		Pelaburan UA/UA Patuh Syariah (RM)	Pemegang Akaun DT/DB-i		Peletakan DT/DB-i (RM)	Kelayakkian (Ya/Tidak)
Utama	Kedua		Utama	Kedua		
A	-	50,000	A	-	50,000	Ya
A	B	50,000	A	B	50,000	Ya
A	B	50,000	A	-	50,000	Ya
A	-	50,000	A	B	50,000	Ya
A	-	50,000	B	-	50,000	Tidak
B	-	50,000	A	B	50,000	Tidak
A	B	50,000	B	-	50,000	Tidak

5.2.4 Caj jualan terpakai yang perlu dibayar oleh Pelanggan yang Layak ialah 3.00% ke atas UA/ UA Patuh Syariah yang dipilih. Pada titik pelaburan dalam UA/UA Patuh Syariah terpilih, sebarang tawaran dan/atau promosi lain pada caj jualan yang diiklankan oleh Bank tidak akan terpakai.

5.2.5 Bagi UA/UA Patuh Syariah, Pelanggan yang Layak yang berhak mendapat Hak Bertenang akan diberi Tempoh Bertenang selama enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan pelaburan oleh Bank. Sekiranya Pelanggan yang Layak memilih untuk menamatkan pelaburan dalam Tempoh Bertenang, Pelanggan yang Layak TIDAK akan layak menerima Kadar Keutamaan Faedah/Keuntungan DT/DB-i. Faedah/keuntungan DT/DB-i akan dibayar pada kadar lembaga lazim Bank dan untuk DB-i, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk memberikan ibra' (rebate) kepada Bank mengenai perbezaan antara keuntungan yang dikira pada Kadar Keutamaan Keuntungan DB-i dan keuntungan yang dikira pada kadar lembaga lazim DB-i.

5.2.6 Kempen ini tidak terpakai kepada dana atau wang yang dikeluarkan daripada skim Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

5.2.7 Kempen ini tidak terpakai untuk pelaburan Skim Persaraan Swasta (SPS).

5.2.8 Kempen ini tidak boleh digunakan untuk pelan pelaburan biasa.

5.2.9 Peletakan DT/DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit manakala Dana UA/UA Patuh Syariah tidak dilindungi oleh PIDM. Pelaburan dalam UA/UA Patuh Syariah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus/Memorandum Maklumat sebelum melabur.

Terma dan syarat

**Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)**

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

- 5.2.10 Peletakan DT berbilang dan/atau DB-i tidak dibenarkan apabila digabungkan dengan mana-mana transaksi UA/Dana UA Patuh Syariah.

6 Liabiliti

- 6.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berlaku daripada atau berhubung dengan Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

7 Umum

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini, di mana akan dibaca bersama dengan:

- a) Terma dan Syarat Khusus Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank di [amsignatureprioritytnc.pdf](#).

Pelanggan dikehendaki untuk log masuk laman web rasmi Bank di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan dalam Kempen ini mewakili penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara semua Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai berhubung dengan Kempen ini.

- 7.1 Penafian untuk produk pelaburan:

- a) Produk pelaburan bukan obligasi, dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan (seperti risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat dan helaian sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik; di mana prestasi lepas bukan jaminan dan bukan petunjuk prestasi masa hadapan. Pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti sama ada pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan mereka sendiri, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan.
- b) Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

- 7.2 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Bank. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.

- 7.3 Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.

- 7.4 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.

Terma dan syarat

**Kempen Perolehan Ahli Baru Bank Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
(Sept 2025 – Feb 2026)**

Tempoh Kempen: 1 September 2025 – 28 Februari 2026

- 7.5 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 7.6 Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 7.7 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan dan Orang yang Dirujuk yang mengambil bahagian.
- 7.8 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab apabila kejadian Force Majeure berlaku. "Force Majeure" merujuk kepada sebarang kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang tidak berada dalam kawalan munasabah Bank, yang mana Bank tidak dapat mencegah, mengelak atau menghapuskan termasuk bencana alam seperti banjir, ribut, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah atau tenggelamnya tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penyekatan, gangguan perindustrian, rusuhan, perperangan, yang berada di luar kawalan mana-mana pihak atau apa-apa peristiwa, keadaan atau keadaan lain yang serupa yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 7.9 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertkaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 7.10 Versi Bahasa Inggeris bagi terma dan syarat ini juga boleh didapati di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions.
- 7.11 Pelanggan adalah dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 7.12 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Priority Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com.